

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian telah mempunyai plan perancangan keseluruhan berhubung kerja-kerja menaik taraf serta pengoperasian feri-feri baru di Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan turut dijemput untuk memberi maklum balas berhubung plan berkaitan dan bilakah ia dijangka dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan sentiasa komited dan prihatin terhadap isu-isu berhubung kelangsungan operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang.

2. Buat masa ini, operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang sedang dikendalikan oleh Rapid Ferry Sdn Bhd, iaitu sebuah anak syarikat di bawah Prasarana Malaysia Berhad. Namun, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya bertarikh 18 Disember 2019, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) akan mengambil alih semula operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang yang dijangka bermula 1 Januari 2021.

3. Dalam hal ini, PPSB akan mengemukakan model perniagaan perkhidmatan feri baharu jenis catamaran. Selaras dengan model perniagaan tersebut, pihak Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama semua pihak berkaitan akan turut membuat perancangan yang sewajarnya berhubung penaiktarafan pelabuhan dan dari segi operasi perkhidmatan feri bagi menyesuaikan feri catamaran ini.

4. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga sentiasa mengalu-alukan pandangan dan maklum balas daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menambah baik mutu operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang. Perkara tersebut telah pun dimulakan dengan penubuhan satu jawatankuasa kerja oleh Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP). Jawatankuasa tersebut dipengerusikan bersama oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pengurus Besar SPPP serta dianggotai oleh Ahli Lembaga SPPP, wakil daripada PPSB dan wakil Rapid Ferry Sdn. Bhd. manakala ahli-ahli lain akan dijemput berdasarkan keperluan isu.

5. Sesi libat urus seterusnya dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan diadakan setelah PPSB mengemukakan model perniagaan perkhidmatan feri kepada SPPP untuk pertimbangan dan persetujuan Kerajaan Persekutuan yang dijangka akan diadakan selewat-lewatnya pada pertengahan bulan Disember 2020.

Sekian, terima kasih.